From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 26 PELAJAR SERTAI BPLB KOHORT 14, PERKUKUH ASPIRASI MELAHIRKAN PEMIKIR-PEMIMPIN
Date: Monday, 21 September, 2026 3:12:57 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Dr. Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah

26 PELAJAR SERTAI BPLB KOHORT 14, PERKUKUH ASPIRASI MELAHIRKAN PEMIKIR-PEMIMPIN



UUM ONLINE: Sintok, 17 September 2026 – Seramai 26 pelajar dari seluruh negara terpilih menyertai Ijazah Sarjana Muda Falsafah, Undang-undang dan Perniagaan dengan Kepujian (BPLB) di Pusat Pengajian Undang-undang, Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi kemasukan Semester A261, sekali gus meneruskan perjalanan program tersebut yang kini memasuki tahun ke-13.

BPLB merupakan program multidisiplin dan rentas pusat pengajian yang menggabungkan bidang falsafah, undang-undang dan perniagaan dalam satu program pengajian. Pendekatan tersebut memberikan ruang kepada mahasiswa untuk memahami sesuatu persoalan daripada pelbagai perspektif serta membina pemikiran yang lebih menyeluruh.

Pengambilan Kohort 14 dilaksanakan melalui beberapa siri temu duga yang melibatkan calon dari Asasi UUM, Zon Utara, Zon Tengah serta Zon Sabah dan Sarawak. Sesi temu duga turut diadakan bagi calon melalui saluran terbuka dan pada peringkat rayuan, yang berpotensi menambah jumlah pengambilan Kohort 14 selepas keputusan rayuan diumumkan kelak.

BPLB menawarkan hanya 30 tempat bagi setiap pengambilan, sekali gus membolehkan program mengekalkan kualiti pengambilan pelajar serta mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih dekat dengan mengambil kira perkembangan dan potensi setiap individu.



Menurut Pengerusi Program BPLB, Dr. Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah, pembentukan mahasiswa BPLB tidak hanya tertumpu kepada pencapaian akademik, sebaliknya turut merangkumi pembangunan bakat, kemahiran insaniah, kepimpinan, pengalaman berpersatuan, penyertaan dalam pertandingan, jaringan industri, kokurikulum dan aktiviti kemasyarakatan.

“Kami mahu pelajar BPLB berkembang sebagai mahasiswa yang berketerampilan secara menyeluruh. Mereka perlu mempunyai asas akademik yang kukuh, tetapi pada masa yang sama berani mencuba, memimpin, berkomunikasi dan membina pengalaman di luar bilik kuliah,” katanya.

Pendekatan tersebut selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Dalam konteks BPLB, pendekatan multidisiplin tersebut turut mendukung hasrat program untuk melahirkan sarjana dan pemikir muda yang unggul dari segi rohani dan intelek serta berkeupayaan tampil sebagai pemikir-pemimpin.

Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) Pusat Pengajian Undang-undang UUM, Prof. Madya Dr. Nor Anita Abdullah yang mewakili pihak Dekan pula mengingatkan mahasiswa supaya tidak hanya mengejar pencapaian akademik, tetapi turut memanfaatkan peluang penglibatan dalam pelbagai aktiviti universiti dengan mengambil kira aspek merit.



“Ramai yang mampu memperoleh CGPA yang baik. Yang membezakan ialah penglibatan pelajar dalam perkara-perkara lain, dengan mengambil kira merit. Namun, pelajar perlu bijak membahagikan masa dan mengutamakan tugas utama sebagai pelajar, iaitu belajar.”

Beliau turut menekankan kepentingan kehadiran ke kuliah sebagai sebahagian daripada tanggungjawab mahasiswa agar tidak menjejaskan kelayakan mereka untuk menduduki peperiksaan akhir.

Sejak pengambilan kohort pertama pada tahun 2013, BPLB terus berkembang sebagai program yang menggabungkan ilmu daripada tiga disiplin utama. Program tersebut juga memberi ruang kepada mahasiswa untuk membangunkan potensi diri melalui pelbagai pengalaman akademik dan bukan akademik.

Dr. Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Shah turut berharap agar BPLB terus melahirkan pemikir-pemimpin sebagaimana hasrat penubuhannya serta menjadi pilihan lebih ramai calon lepasan SPM, Asasi, Matrikulasi, Diploma dan STPM dalam permohonan UPUOnline pada masa akan datang.

“Saya berharap lebih ramai calon mengenali BPLB sebagai satu pilihan pengajian yang memberikan pengalaman pendidikan yang unik, khususnya kepada mereka yang berminat terhadap pemikiran, undang-undang, perniagaan dan pembangunan diri secara menyeluruh. Inilah tempat anda!” katanya.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.